

14/10/2003

Surat berdaftar paling besar untuk Dr Mahathir

KUALA PILAH: Pelajar Sekolah Menengah (SM) Tunku Kurshiah akan menghantar surat berdaftar paling besar berukuran 2.45 meter dan 1.41 meter kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara sebagai Perdana Menteri akhir bulan ini.

Sampul itu memuatkan 615 surat persendirian yang ditulis pelajar, guru, kaki tangan sekolah dan wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi menghargai jasa beliau terhadap negara.

Bersempena perkhidmatan selama 22 tahun, penghantaran surat dengan kerjasama Pos Malaysia akan dihantar kepada Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, pada 22 Oktober ini.

Pengetua sekolah, Maridah Mohd Yusof, berkata seramai 45 pelajar dan guru sekolah akan mengiringi van yang membawa sampul surat itu ketika disampaikan kepada pejabat Perdana Menteri.

Beliau berkata, mereka turut mengambil kesempatan melawat Putrajaya, satu lagi simbol kejayaan Dr Mahathir menjelmakan projek bermanfaat kepada negara.

"Kita berdoa supaya Perdana Menteri dapat meluangkan sedikit masa untuk membaca surat yang kami hantar sebagai tanda kasih terhadap seseorang yang sangat kami sayangi," katanya ketika ditemui di sekolah berkenaan, semalam.

Program anjuran Kelab Setem dan Filateli sekolah dengan kerjasama Pos Malaysia bermula apabila pelajar yang menganggotai kelab berkenaan menyuarkan hasrat menulis surat kepada Perdana Menteri sebagai menghargai jasanya.